

STRES DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH TUNAS BAKTI JERANTUT:
SATU KAJIAN KES

FADILAH BINTI MOHD

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

ABSTRAK

Stres merupakan perkara lumrah dalam kehidupan kita pada masa kini. Kajian kes ini bertujuan untuk meneroka, memahami dan menjelaskan mengenai stres dalam kalangan guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut, (STBJ) Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes kualitatif dan data diorganisasi menggunakan perisian NVivo 8. Seramai empat orang peserta kajian telah dipilih secara persampelan bertujuan. Instrumen utama kaedah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ialah penyelidik itu sendiri. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa beban tugas, salah laku pelatih juvana, perhubungan interpersonal, kekangan masa dan sumber dan persekitaran tempat kerja merupakan faktor stres dalam kalangan guru STBJ Pahang. Stres yang dialami oleh guru STBJ berada pada tahap yang tidak membimbangkan. Mereka masih lagi boleh mengawal emosi semasa berada dalam keadaan stres. Kesan yang positif dan negatif terhasil daripada stres yang berlaku dan mereka juga berjaya mencari jalan penyelesaian untuk menangani stres yang dialami iaitu secara berkongsi dengan rakan sekerja dan melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah. Oleh itu, hasil dapatan kajian menyarankan semua pihak yang terlibat perlu mengetahui tentang pengurusan stres dengan lebih serius bagi memastikan stres guru berada pada tahap optimum dan dapat berkhidmat dengan cemerlang selaras dengan hasrat negara.

ABSTRACT

It is important nowadays, for every individual to know their level of stress. This case study aims to explore, understand and explain about stress among teachers Jerantut Approval School (STBJ), Pahang. This study used a qualitative case study method and data organized using Nvivo 8. A total of four study participant were selected through purposive sampling. The main instrument of this study method using qualitative approach is that the researchers themselves. The findings of this study is that the burden of duty, misconduct in juvenile training, interpersonal communication, time and resource constrains and the working environment is a factor of stress among teachers STBJ. They are still able to control emotions while in a state of tension. Positive and negative effects resulting from the stress that occur and they also managed to find a solution to address the stress experienced in association with colleagues and doing worthwhile activities. Several proposals were introduced to improve the study. All parties involved need to know about stress management more seriously to ensure that teacher stress is at an optimum level and can work well in the country.

KANDUNGAN

	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	JUDUL	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang kajian	3
	1.3 Penyataan masalah	5
	1.4 Tujuan kajian	6
	1.5 Persoalan kajian	6
	1.6 Kepentingan kajian	7
	1.7 Skop kajian	8
	1.8 Kerangka operasional kajian	8
	1.9 Rumusan	8

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	9
2.1	Pengenalan	9
2.2	Sekolah Tunas Bakti	10
2.3	Stres kerja guru	11
2.4	Faktor-faktor stres	12
2.5	Kesan stres	15
2.6	Cara menangani stres	16
2.7	Kajian-kajian lepas luar negara	16
2.8	Kajian-kajian tempatan	19
2.9	Rumusan	21
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	22
3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk kajian	23
3.3	Tempat kajian	24
3.4	Persampelan dan pemilihan peserta kajian	24
3.4.1	Deskripsi peserta kajian	26
3.5	Tempoh kajian	28
3.6	Instrumen kajian	29
3.7	Pengumpulan data	29
3.7.1	Temubual	30
3.8	Analisis data	31
3.8.1	Analisis semasa pengumpulan data	31
3.8.2	Analisis selepas pengumpulan data	33
3.8.2.1	Penggunaan perisian dalam analisis penyelidikan	34
3.9	Etika di lapangan kajian	34
3.9.1	Pemilihan tempat	35
3.9.2	Kebenaran	35
3.9.3	Memulakan temubual	35
3.9.4	Pendirian penyelidik	36
3.10	Kesahan dan kebolehpercayaan	36

	3.10.1 Kesahan	37
	3.10.2 Kebolehpercayaan	37
	3.11 Rumusan	38
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	39
	4.1 Pengenalan	39
	4.2 Faktor berlakunya stres di kalangan guru STBJ	39
	4.2.1 Beban tugas	40
	4.2.2 Salah laku pelatih juvana	41
	4.2.3 Perhubungan interpersonal	42
	4.2.4 Kekangan masa dan sumber	43
	4.2.5 Persekitaran tempat kerja	44
	4.3 Kesan stres kepada guru STBJ	45
	4.3.1 Kesan stres yang negatif	45
	4.3.2 Kesan stres yang positif	46
	4.4 Cara guru STBJ menangani stres	47
	4.5 Rumusan	49
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	50
	5.1 Pengenalan	50
	5.2 Perbincangan	50
	5.2.1 Faktor berlakunya stres di kalangan guru STBJ	50
	5.2.2 Kesan stres kepada guru STBJ	52
	5.2.3 Cara guru STBJ menangani stres	53
	5.3 Kesimpulan	54
	5.4 Cadangan	55
	5.4.1 Cadangan penyelidikan lanjutan	55
	5.4.2 Model konseptual	56
	RUJUKAN	57
	LAMPIRAN	62

SENARAI JADUAL

3.4	Profil peserta kajain	26
-----	-----------------------	----

SENARAI RAJAH

1.8	Kerangka operasional kajian	8
2.4	Model stres guru	13
5.4	Model Konseptual Stres Guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut	56

SENARAI SINGKATAN

STB	-	Sekolah Tunas Bakti
STBJ	-	Sekolah Tunas Bakti Jerantut

SENARAI LAMPIRAN

A	Perancangan Carta Gantt Projek Sarjana 2	63
B	Surat Persetujuan Peserta Kajian	66
C	Surat Kebenaran Institusi	69
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	71
E	Panduan Soalan Temubual	73
F	Transkrip Temubual	77

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kerjaya sebagai seorang guru merupakan kerjaya yang amat terpuji, malah dihormati oleh masyarakat. Namun begitu, ia tidak bermakna kerjaya sebagai seorang guru merupakan pekerjaan yang mudah kerana mereka juga menghadapi cabaran-cabaran dan halangan dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab. Tugas guru bukan sekadar mendidik pelajar supaya cemerlang dalam peperiksaan tetapi berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang ilmu. Guru-guru perlu menjalankan tugas mendidik dengan lebih berkesan dan pada masa yang sama menjadi contoh yang baik kepada pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa profesion sebagai guru semakin tertekan dan sukar akibat daripada tuntutan yang semakin meningkat dan tanggungjawab yang semakin kompleks yang terpaksa dipikul oleh mereka (Galton dan MacBeath, 2008).

Tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada guru amat berat, di mana setiap guru mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan sikap dan keperibadian generasi yang akan datang. Tugas guru tidak terhad kepada mengajar, mendidik dan membimbing sahaja malah guru mesti mempunyai tekad dan komitmen yang tinggi untuk mendidik anak bangsa, memberi khidmat yang terbaik serta sanggup mempertahankan keagungan profesionnya, selain terus berusaha untuk meningkatkan mutu, taraf dan imejnya. Oleh yang demikian, imej profesion perguruan ini hendaklah dipelihara supaya tidak dicemari dengan unsur-unsur yang negatif (Shalaby *et al*, 2004).

Namun, kita harus sedar bahawa tugas mendidik bukanlah satu kerja yang mudah seperti tanggapan orang ramai. Kini pihak guru perlu berhadapan dengan permintaan yang berbagai-bagai dan kompleks yang boleh membebankan guru. Guru-guru juga berada dalam dilema memandangkan guru terpaksa memenuhi pelbagai permintaan seperti permintaan daripada masyarakat. Ini menunjukkan bahawa guru semakin tertekan akibat daripada tuntutan yang semakin meningkat dan tanggungjawab yang semakin kompleks yang telah diletakkan ke atas bahu mereka. Tanggungjawab yang diamanahkan seperti menjadi bebanan kepada mereka (Gold dan Roth,1993). Bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Ainuddin Wahid pernah mengatakan bahawa tugas guru adalah berat, di mana setiap guru mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan sikap dan keperibadian generasi yang akan datang selain daripada menyampaikan ilmu pengetahuan dan guru adalah contoh sepanjang masa kepada pelajar-pelajarnya (Yaacob, 1985).

Cabaran yang lebih besar tentunya kepada guru yang mendidik golongan pelajar di luar norma masyarakat seperti banduan muda atau pesalah juvana di sekolah-sekolah bawah kawalan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Sekolah Tunas Bakti (STB). Guru STB terpaksa berdepan dengan pesalah-pesalah juvana yang mempunyai pelbagai kesalahan jenayah seperti mencuri, merompak, memeras ugut, pecah rumah, memiliki dadah, membunuh, merogol dan banyak lagi. Sudah semestinya guru yang mendidik mereka mempunyai cabaran dan dugaan yang lebih besar jika dibandingkan dengan guru di sekolah harian biasa. Tanggungjawab para guru di Sekolah Tunas Bakti (STB) bukan sahaja mendidik malah diamanahkan untuk membentuk peribadi pesalah juvana yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan diri yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Hal ini adalah satu tanggungjawab yang amat besar yang harus dipikul oleh para guru STB.

Selain daripada itu, guru STB perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kualiti, ilmu dan kemahiran agar dapat menjadi contoh dan teladan kepada pesalah juvana serta dapat menghasilkan satu bentuk pengajaran yang berkesan. Permintaan yang tinggi terhadap guru pada masa ini yang menganggap guru sebagai kaum intelek yang harus mementingkan ilmu pengetahuan dan peraturan yang bersih dari melakukan kesilapan juga merupakan punca ketegangan. Guru STB mempunyai peranan yang besar

khususnya dalam mengawal keseimbangan moral pesalah-pesalah. Guru STB juga turut memikul tanggungjawab dalam pembentukan akhlak, mengawal disiplin, memberi tunjuk ajar, nasihat, kaunseling dan teguran yang efektif kepada pesalah juvana.

1.2 Latar belakang masalah

Pada masa kini, Malaysia sedang berhadapan dengan perubahan dan cabaran baru seperti kemajuan sains, teknologi dan komunikasi, dunia tanpa sempadan, globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Perubahan dan cabaran ini memerlukan guru-guru yang berdaya saing bagi menghadapi persaingan global yang lebih mencabar lagi. Oleh itu, golongan guru dituntut untuk melakukan pengubahsuaian dan penghijrahan minda untuk memastikan mereka berupaya melonjak dan mara ke hadapan. Guru-guru terpaksa melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang baru dengan menghadiri kursus-kursus, membuat persediaan yang lebih untuk pengajaran, mempunyai pelbagai teknik pengajaran sejajar dengan perubahan teknologi dalam pendidikan. Justeru itu, guru terpaksa berhadapan dengan perubahan dan cabaran sehingga wujudnya stres kerja (Hussin, 1993). Tambahan beliau, terdapat tiga faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru, iaitu harapan ibu bapa yang terlalu tinggi kerana sering menginginkan pencapaian pelajar yang cemerlang, masalah disiplin pelajar yang semakin sukar dikawal dan pelajar-pelajar yang semakin cerdik berbanding guru. Sulaiman (2003), juga telah menekankan beberapa peranan guru masa kini iaitu pengajar dan penyebar ilmu, penyelidik, pengurus, pembimbing, pembentuk akhlak, penulis, penjaga impian, pembina kemahiran sosial dan ibu bapa atau penjaga.

Seperti mana yang kita ketahui tugas dan tanggungjawab seorang guru bukan sahaja mengajar, mendidik dan membimbing malah lebih daripada itu. Mereka mempunyai peranan yang paling besar dalam mengawasi disiplin serta mengawal keseimbangan moral pelajar-pelajar. Sejak kebelakangan ini, golongan remaja menghadapi keruntuhan moral yang membimbangkan. Justeru itu, guru sebagai pembentuk akhlak pelajar telah dituntut supaya memberi tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang lebih efektif kepada pelajar (Sulaiman, 2003).

Keruntuhan moral boleh berlaku oleh beberapa faktor iaitu faktor individu, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran (Rajuddin dan Ali, 2010). Justeru, pendekatan digunakan untuk mengatasi masalah sosial yang dihadapi remaja mestilah bersifat bersepadu dan berkesinambungan. Oleh itu, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menggubal akta berkaitan Sistem Pengadilan Juvana yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-kanak 2001. Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dalam menangani masalah pesalah juvana di negara ini dengan mewujudkan institusi-institusi pemulihan akhlak. Di institusi pemulihan tersebut, pesalah akan mengikuti segala program yang telah dirancang seperti program kerohanian, program riadah, program latihan kemahiran, kelas keagamaan dan kerohanian. Institusi-institusi pemulihan akhlak seperti Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti diwujudkan untuk menempatkan tahanan remaja yang dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Juvana (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009).

Di samping mengajar, guru terpaksa melaksanakan pelbagai tugas lain yang sudah menjadi rutin pekerjaan mereka seperti bertugas sebagai kerani dalam mengendalikan urusan sampingan seperti urusan buku teks murid, hal-ehwal kebajikan murid, disiplin murid, akaun persatuan dan kelab murid, kegiatan sukan dan ko-kurikulum murid dan berbagai-bagai lagi. Jelaslah kepada kita bahawa kerjaya sebagai guru mempunyai tugas harian, mingguan dan tahunan yang penuh mencabar, sukar, melelahkan dan membosankan (Hussin, 1993). Ini tidak lagi termasuk aktiviti luaran lain seperti menghadiri kursus atau program, gotong royong bagi mengindahkan kawasan sekolah dan sebagainya. Guru hendaklah mempunyai sifat yang unggul iaitu penyabar supaya sabar dalam menangani masalah di sekolah, sabar mengajar pelajar-pelajar yang lemah dan sabar dengan karenah birokrasi. Keadaan ini semua boleh membawa kepada stres kerja kepada guru. Hal ini dapat dirumuskan bahawa beban tugas yang berlebihan boleh menyebabkan kewujudan stres dalam kalangan guru.

Stres yang berlebihan atau berpanjangan akan memberi kesan terhadap aspek psikologi, fisiologi dan tingkah laku seseorang guru (Dunham, 1992). Dari aspek psikologi, guru akan mudah marah, terganggu emosi, mudah tersinggung, hilang semangat dan motivasi diri. Manakala dari aspek fisiologi, guru yang menghadapi stres yang berterusan tanpa menemui mekanisme pelepasan yang sesuai mudah mendapat

penyakit-penyakit kronik seperti buah pinggang, darah tinggi, kencing manis, lelah dan jantung. Dari segi tingkah laku, guru-guru akan cenderung untuk menghilangkan diri daripada menghadiri mesyuarat, hipermobiliti, menjauhkan diri daripada orang ramai dan sebagainya. Hal ini amat membimbangkan memandangkan kesihatan mental dan fizikal guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, stres yang dialami oleh guru merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian yang serius dengan mengambil strategi menangani stres. Pengurusan stres guru amat penting bagi memastikan stres guru berada pada tahap yang optimum dan dapat berkhidmat dengan cemerlang.

1.3 Penyataan masalah

Beberapa penyelidik telah menyatakan bahawa kerjaya seorang guru merupakan satu pekerjaan yang mudah mendatangkan stres (Farber, 1984). Kajian yang telah dijalankan ke atas guru menunjukkan pengalaman stres tidak sama dalam kalangan mereka. Pengalaman tersebut berbeza antara seorang guru dengan guru lain (Albertson dan Kagan, 1987;

Memandangkan isu stres kerja semakin mengancam kerjaya guru-guru di negara ini, sementara kajian berkaitan masih kurang terutamanya terhadap guru-guru di Sekolah Tunas Bakti (STB), maka penyelidik ingin mengambil kesempatan ini untuk mengkaji dengan lebih lanjut mengenai masalah ini. Tumpuan akan diberikan kepada guru-guru yang mengajar di Sekolah Tunas Bakti Jerantut (STBJ), di mana cabaran yang lebih besar terpaksa dihadapi oleh guru yang mendidik pelajar di luar norma masyarakat seperti banduan muda atau pesalah juvana. Berbanding guru di sekolah harian biasa, ia memerlukan komitmen yang tinggi dan tidak mungkin mampu untuk dilakukan oleh semua orang. Guru-guru di STBJ terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah dan karenah pesalah juvana yang sememangnya memeningkan kepala. Mengajar atau mendidik golongan pesalah juvana amat mencabar kerana mereka merupakan golongan yang tercicir daripada alam persekolahan dan tahap pendidikan akademik juvana yang rendah menyebabkan mereka mengambil masa yang lama serta sukar untuk memahami sesuatu mata pelajaran yang diajar. Hal ini dibuktikan dengan kajian Conger (1975)

yang menunjukkan individu yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi akan menjadi lebih bertanggungjawab dan jarang sekali melanggar peraturan. Dapatan ini ada kebenarannya, di mana hampir 70% juvana yang ditahan di pusat-pusat pemulihan juvana di negara ini adalah golongan yang telah tercicir daripada alam persekolahan dan mula bekerja.

Komitmen dan pengorbanan warga guru dalam meningkatkan kualiti pendidikan dalam kalangan pelajar sekolah kawalan Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu dihargai. Walaupun golongan pelajar ini berada dalam proses pemulihan kerana kesalahan yang telah dilakukan, namun mereka tetap memerlukan pendidikan agar tidak ketinggalan apabila tamat menjalani hukuman kelak. Beliau menyarankan guru-guru menjalankan tugas dengan gigih dan menganggap pengalaman mendidik golongan pelajar ini sebagai sesuatu yang istimewa seterusnya berusaha memantapkan lagi kemahiran demi memartabatkan profesionalisme keguruan (Utusan Online, 2011).

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka, memahami dan menjelaskan mengenai stres dalam kalangan guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut.(STBJ) Pahang. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kes kualitatif dan data diorganisasi menggunakan perisian NVivo 8.

1.5 Persoalan kajian

Daripada permasalahan kajian, timbul beberapa persoalan iaitu :

1. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya stres mengikut pendapat guru di STBJ, Pahang?
2. Apakah kesan stres pekerjaan mengikut pendapat guru STBJ?
3. Bagaimanakah cara menangani stres pekerjaan mengikut pendapat guru di STBJ, Pahang?

1.6 Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian ini penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Kementerian Sumber Manusia, guru-guru STBJ, pihak pentadbir sekolah dan penyelidik sendiri.

Kajian ini adalah penting kepada guru-guru STBJ untuk memberi panduan dan maklumat tentang cara menangani stres yang menjadi amalan dan berkesan mengikut keadaan persekitaran yang dihadapi. Memandangkan stres boleh menjejaskan prestasi dan kepuasan kerja serta menurunkan produktiviti. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan kepada guru-guru STBJ mengenai bahaya stres kerja dan mengetahui cara mengatasinya.

Seperti mana yang kita ketahui, isu stres dalam kalangan guru telah lama wujud di negara kita, namun tidak ramai para guru diberi peluang untuk menjalani kursus yang berkaitan cara menangani stres kerja. Justeru itu, pihak yang terlibat seperti pihak pentadbir atasan di Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Kementerian Sumber Manusia perlu memainkan peranan dalam merangka program untuk mendedahkan para guru tentang kemahiran asas menangani stres kerja, memandangkan golongan guru merupakan aset negara yang amat penting dalam menjayakan dasar dan program pendidikan.


Selain itu, hasil kajian ini dapat menimbulkan kesedaran di kalangan pihak pentadbiran sekolah mengenai isu stres kerja guru, sekaligus dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani atau mengurangkan stres kerja dalam kalangan guru.

Akhir sekali, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada penyelidik, memandangkan profesion yang akan diceburi adalah profesion perguruan yang mana sering dilanda pelbagai isu seperti stres kerja, permasalahan perkhidmatan, kekaburan peranan, konflik dan sebagainya. Seterusnya dapat memberi kesedaran kepada penyelidik dan dapat mengenal pasti faktor-faktor stres kerja dan mengetahui cara mengatasinya.

1.7 Skop kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji stres kerja dalam kalangan guru kemahiran dan vokasional dan guru akademik di Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang. Peserta kajian ini melibatkan tiga orang guru kemahiran dan vokasional dan seorang guru akademik. Disebabkan hanya terdapat empat orang sahaja guru di STBJ, maka penyelidik terpaksa memilih kesemua guru di STBJ sebagai peserta kajian. Instrumen yang digunakan untuk kajian ini ialah kaedah temubual.

1.8 Kerangka konsep kajian



Rajah 1.8. : Kerangka Operasional kajian

1.9 Rumusan

Dalam bab ini telah diterangkan mengenai perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Di bahagian tujuan, penyelidik telah menyatakan tujuan yang perlu dicapai di akhir kajian berdasarkan pernyataan masalah kajian. Beberapa persoalan juga telah dibuat berdasarkan tujuan yang telah ditetapkan.

Kajian ini dibatasi oleh skopnya tersendiri supaya tidak terpesong dari tujuan yang sebenar. Kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak guru, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Sumber Manusia, pihak pentadbir sekolah dan juga penyelidik sendiri.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tekanan merupakan satu pengalaman yang lumrah dalam kehidupan manusia. Setiap manusia tidak dapat lari daripada tekanan yang boleh berpunca daripada peristiwa-peristiwa dalam kehidupan baik dalam bentuk fizikal, sosial dan psikologikal. Kesan tekanan ke atas seseorang individu banyak bergantung kepada ciri-ciri dan sikap individu itu bagaimana untuk mengatasinya.

Tekanan kerja di kalangan guru telah menjadi satu isu yang semakin mendapat perhatian orang ramai. Kesedaran tentang perlunya menguruskan tekanan ini digambarkan dengan kajian-kajian yang banyak dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Antara kajian tersebut adalah Jolen (2001), Mahyuddin *et. al.*, (2001), Jusoh (2001) dan Md Suandi (2008). Di luar negeri pula telah dilakukan Fletcher dan Payne (1982), Smilansky (1984) Payne dan Furnham (1987), Trendall (1989), Naylor (2001) dan Kyriacou dan Chien (2004). Kebanyakan kajian yang dimaksudkan adalah berkaitan langsung dengan persoalan tekanan di kalangan guru-guru.

Dalam bab ini, kajian literatur akan bertumpu kepada tekanan kerja secara umum dan tekanan kerja dalam profesion keguruan serta isu-isu yang berkenaan dengannya secara khusus. Penyelidik juga akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.

2.2 Sekolah Tunas Bakti

Sekolah Tunas Bakti adalah institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi pemulihan dan jagaan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak yang tidak terkawal. Objektif penubuhan STB ialah untuk mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan diri dengan keterampilan yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Kemasukan pesalah-pesalah juvana ke STB melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Manakala tempoh pemulihan pula selama tiga tahun, tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh setelah melebihi setahun dengan kelulusan daripada Lembaga Pelawat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009).

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah merancang pelbagai program bagi menangani masalah keruntuhan akhlak remaja dan masalah sosial seperti program pemulihan akhlak dan kempen Penghayatan Akhlak Mulia. Program-program pemulihan akhlak ini dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penjara dan institusi-institusi pemulihan akhlak di negara ini. Salah satu institusi tersebut dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti.

Sekolah Tunas Bakti menawarkan pelbagai program dari aspek akademik, kokurikulum serta latihan kemahiran vokasional. Program-program seperti ini memberi peluang kepada pelatih untuk mendapatkan ilmu serta kemahiran yang berkaitan untuk digunakan selepas tamat tempoh penahanan. Para pelatih diwajibkan mengikuti satu latihan kemahiran vokasional yang ditawarkan sepanjang berada di institusi pemulihan tersebut. Pelatih akan diberi sijil pengiktirafan dalam bidang kemahiran yang diambil setelah tamat tempoh menjalani latihan yang telah ditetapkan. Latihan kemahiran merupakan satu daripada cara memberikan pendidikan kepada para remaja yang tidak berminat dalam bidang akademik dan di dalam konteks penulisan ini adalah golongan remaja juvana. Keadaan ini adalah bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2008), secara purata, penghuni - penghuni yang berada di Sekolah Tunas Bakti kurang meminati bidang akademik berbanding latihan vokasional.

2.3 Stres kerja guru

Stres kerja guru diertikan sebagai satu sindrom gerak balas terhadap beberapa aspek yang negatif seperti mengalami kemurungan dan rasa marah yang dialami oleh guru dan ia lazimnya disertai dengan perubahan biokimia dan psikologi seperti degupan jantung yang meningkat atau pembebasan hormon *adrenocorticotrophic* ke dalam aliran darah yang mungkin menyebabkan penyakit-penyakit hasil daripada aspek-aspek pekerjaan mereka. Dalam konteks ini, permintaan yang diletakkan ke atas guru telah bertukar menjadi satu ancaman terhadap harga diri dan kesejahteraan psikologi serta fizikalnya. Elemen penting dalam definisi ini adalah persepsi guru terhadap ancaman yang berdasarkan kepada tiga aspek iaitu permintaan yang dilakukan ke atas seseorang guru;kegagalannya untuk memenuhi permintaan tersebut atau menghadapi kesukaran dalam memenuhi permintaan dan kegagalan ini akan mengancam kesihatan mental dan fizikalnya (Kyriacou dan Sutcliffe, 1978).


Sebagaimana yang diketahui, pelatih di Sekolah Tunas Bakti memang remaja yang bermasalah. Di mana mereka terlibat dengan kes-kes jenayah seperti mencuri, merogol, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Sebagai seorang guru untuk mendidik pelajar-pelajar yang bermasalah amat sukar untuk dikawal. Di dalam Sekolah Tunas Bakti juga mereka terlibat dengan kes buli, mencuri, ponteng sekolah, melanggar disiplin sekolah, melakukan maksiat dan lari daripada tahanan. Kebanyakan pelajar yang bermasalah selalunya tidak bermotivasi untuk cemerlang dalam akademik. Ini mengakibatkan stres di kalangan guru sekolah tunas bakti yang berperanan dalam mendidik, membentuk peribadi dan melengkapkan diri dengan keterampilan diri dengan keterampilan yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Apabila seseorang itu berhadapan dengan stres, sudah tentu ia akan gagal untuk berfungsi dengan baik di dalam aktiviti masyarakat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Institute Of Stress di New York, Amerika terdapat 90 peratus daripada lelaki dewasa mengalami stres yang kuat sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Manakala 25 peratus lagi mengalami stres setiap hari.

Guru akademik STB mengalami kesukaran dan tekanan untuk mendidik dan mengajar pelatih juvana disebabkan tahap pendidikan pelatih yang rendah. Hal ini terbukti dengan hasil kajian Mohd.Ludin (1990), mendapati 60% daripada mereka hanyalah menerima pelajaran tingkatan1 hingga ke tingkatan 3 sahaja. Manakala yang tidak pernah bersekolah 10% dan yang bersekolah rendah 15%. Hanya 15% yang menerima pelajaran tingkatan 4 hingga 5.

2.4 Faktor-faktor stres

Gold dan Roth (1993), menyatakan bahawa salah satu punca stres bagi guru adalah perubahan. Antara faktor-faktor yang menyebabkan stres guru ialah depersonalisasi, kejayaan diri, ketandusan emosi, lebihan kerja, hubungan interpersonal dan persekitaran kerja. Depersonalisasi ialah merujuk kepada keadaan emosi seseorang guru seperti cara melayan pelajar dan macam mana seseorang guru itu mengatasi masalah pelajarannya. Kejayaan diri merujuk kepada cara seseorang guru untuk mencapai kejayaan untuk melihat pelajarannya mencapai keputusan keputusan yang baik dalam pelajaran. Ketandusan emosi pula merujuk kepada perasaan guru yang kuat dalam menjalankan tugas tanpa merasa marah, sedih dan bersifat sentimental. Persekitaran kerja juga mempengaruhi guru dalam menjalankan tugas harian mereka antaranya keadaan persekitaran kelas, kemudahan alat bantu mengajar dan alat kelengkapan yang lain untuk memudahkan perhubungan guru dan pelajar.

Dalam kajian Borg, Riding dan Falzon (1991), Boyle *et al.* (1995), telah membentuk satu model stres kerja guru seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4. Dalam model ini terdapat lima faktor stres iaitu beban kerja, salah laku pelajar, kekangan masa dan sumber, perhubungan interpersonal dan penghargaan profesional.



Rajah 2.4 Model Stres Guru

(Sumber: Boyle, Borg, Falzon dan Boglioni,1995)

Dalam kajian yang dijalankan terhadap 710 orang guru sekolah rendah di Maltese, didapati bahawa faktor beban tugas dan salah laku pelajar merupakan faktor yang paling dominan yang menyebabkan stres kerja guru.

Menurut James dan Jonathan (1984), stres berpunca daripada tekanan kehidupan dan tekanan organisasi. Penyebab tekanan kehidupan melibatkan perubahan corak kehidupan dan pengalaman buruk yang berlaku dalam kehidupan seseorang. Penyebab tekanan organisasi pula, merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan organisasi, seperti kehendak tugas, kehendak fizikal, kehendak peranan dan kehendak interpersonal.

Menurut Kyriacou *et.al* (2004), terdapat sepuluh penyebab stres yang paling kerap berlaku yang dilaporkan oleh guru iaitu mengajar pelajar yang kurang bermotivasi, mengekalkan disiplin, tekanan masa dan beban kerja, menghadapi perubahan, dinilai oleh orang lain, berurusan dengan rakan sekerja, harga diri dan status, pentadbiran dan pengurusan, konflik peranan dan kesamaran dan persekitaran kerja yang teruk.

Cooper (1981), telah mengemukakan enam punca stres kerja yang saling berhubungan iaitu:

(i) Tugas Pengurusan

Stres boleh berpunca daripada bebanan kerja yang terlalu banyak mahupun sedikit, kekangan masa, terpaksa bekerja untuk satu jangka masa yang panjang dan kewajipan membuat sesuatu keputusan.

(ii) Peranan Pekerja

Peranan pekerja dapat dibahagikan kepada dua iaitu konflik peranan dan kekaburan peranan. Menurut Farber (1991), konflik peranan berlaku apabila permintaan yang tidak konsisten, tidak sepadan atau tidak sesuai diletakkan terhadap seseorang individu. Ia timbul jika seseorang pekerja dalam sesuatu kerja tertentu dipisahkan oleh konflik antara permintaan kerjanya atau melakukan sesuatu yang tidak diminatinya atau tidak merangkumi spesifikasi kerjanya. Manakala kekaburan peranan berlaku apabila seseorang pekerja tidak mempunyai maklumat yang tepat dan lengkap mengenai peranan kerjanya seperti objektif, hak-hak, kaedah, status, akauntabiliti, skop dan tanggungjawab kerjanya.

(iii) Struktur Organisasi

Struktur organisasi berkaitan dengan kebebasan individu, autonomi dan identitinya. Struktur dan iklim organisasi boleh menjadi satu punca stres sekiranya berlaku masalah-masalah seperti terlibat dalam membuat keputusan, kekurangan konsultasi atau perundingan yang berkesan, kekurangan komunikasi yang efektif, politik dalam organisasi dan sebagainya.

(iv) Prospek Kerjaya

Ketidakstabilan kerja, kekurangan jaminan kerja dan ketidaksesuaian status juga merupakan punca stres kerja. Kemajuan kerjaya dianggap sebagai perkara yang amat penting bagi kebanyakan pekerja. Contohnya, kenaikan pangkat, penambahan gaji, status yang lebih tinggi dan cabaran kerja yang baru.

Ketiadaan perkara-perkara ini boleh mendorong kepada timbulnya stres kerja yang tinggi.

(v) Hubungan Interpersonal

Hubungan interpersonal merujuk kepada hubungan antara majikan subordinat dan rakan sekerja. Seperti yang dikata oleh para saintis, hubungan yang baik antara ahli-ahli dalam satu kumpulan kerja merupakan faktor utama yang menjamin kesihatan individu mahupun kesinambungan dan pembangunan organisasi. Sebaliknya, hubungan interpersonal yang tidak memuaskan boleh mencetuskan stres di tempat kerja.

(vi) Masalah Peribadi

Punca ini lebih menjurus kearah kehidupan peribadi seseorang pekerja seperti masalah keluarga, masalah kewangan, konflik antara kepercayaan diri sendiri dan organisasi serta konflik antara organisasi dan permintaan keluarga.

2.5 Kesan stres

Selye (1976), telah menjelaskan bahawa tekanan adalah suatu keadaan yang mendatangkan impak ke atas emosi, proses pemikiran dan fizikal seseorang individu. Pada umumnya, individu memerlukan tekanan untuk merangsang aktiviti harian dan aktiviti kerjanya. Dalam hal ini, Selye telah mengatakan bahawa tekanan adalah diperlukan untuk mengekalkan produktiviti dan tekanan telah dibahagikan kepada dua iaitu '*eustress*' (tekanan yang positif) dan '*distress*' (tekanan yang negatif). Selye turut menyenaraikan tiga puluh satu simptom ketegangan yang boleh dibahagikan kepada simptom fizikal dan simptom tingkah laku seperti degupan jantung yang kencang, berpeluh, kejangan otot dan sebagainya.

2.6 Cara menangani stres

Menangani stres amat penting bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan kerana ia melibatkan kesihatan mental individu terlibat. Antara langkah-langkah mengatasi stres ialah faham punca stres, letakkan keutamaan, selesaikan masalah satu persatu, menagis, ketawa, bersenam atau beriadah, mencurahkan perasaan dalam diari, luahkan perasaan kepada sahabat, meditasi atau bertafakur, berusaha dan bertawakal dan sebagainya.

Menurut Akhito Shimazu *et al* (2003), telah mengkaji tentang kesan pengurusan stres, sokongan sosial dan cara mengatasi stres ke atas 24 orang guru di Hiroshima mendapati bahawa sokongan sosial adalah penting bagi membantu guru-guru mengatasi masalah stres. Jepun pada tahun 2000, 0.24 peratus guru terpaksa menanggungkan kerja sebagai guru kerana menghadapi masalah kecelaruan mental. Antara masalah yang dihadapi oleh guru tersebut ialah persekitaran sekolah, kepelbagaian tingkah laku pelajar, hubungan interpersonal, tekanan masa, perhubungan dengan ibu bapa pelajar dan lebih kerja.

Othman dan Abang Masagus (1998) dalam kajian mereka mengenal pasti tujuh strategi yang paling berkesan dalam menangani tekanan mengikut pandangan responden iaitu memastikan diri faham apa yang akan diajar, menyimpan semua kerja dengan kemaskini, persediaan mengajar secara menyeluruh, menggalakkan para pelajar menjadi lebih berdikari, realistic terhadap matlamat-matlamat, menangani keadaan dan belajar daripada kesilapan dan memaafkan diri sendiri.

2.7 Kajian-kajian lepas luar negara

Fletcher dan Payne (1982) telah menjalankan kajian terhadap 148 orang guru yang berkhidmat di sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah tadika di United Kingdom. Hasil kajian menunjukkan bahawa 44 peratus responden mengalami tekanan yang banyak tetapi masih boleh mengendalikan stres tersebut, 23 peratus responden berasa tertekan tetapi masih seronok mengajar dan 25 peratus responden mengalami sedikit tekanan.

Smilansky (1984) telah melaksanakan satu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres dan kepuasan kerja di kalangan 36 orang guru perempuan yang mengajar di empat buah sekolah rendah di Israel. Hasil kajian mendedahkan bahawa 14 peratus responden mengalami stres yang tinggi atau amat tinggi. Faktor beban tugas telah ditentukan sebagai punca stres yang paling ketara, diikuti oleh tingkah laku pelajar dan proses pengajaran yang sebenar. Manakala hubungan antara guru dikenal pasti sebagai faktor yang paling kurang menyumbang stres guru.

Payne dan Furnham (1987) telah mengkaji punca-punca stres kerja di kalangan 444 orang guru sekolah menengah di Barbados. Analisis kajian menunjukkan lapan punca stres yang utama, iaitu tekanan masa dan pengurusan masa, struktur autoriti, tingkah laku pelajar, profesionalisme, keyakinan atau kecekapan guru, campur tangan birokratik, hubungan antara staf dan keadaan tempat kerja. Dari segi pengurusan masa dan tingkah laku pelajar, responden perempuan dilaporkan mengalami stres yang lebih tinggi berbanding responden lelaki. Begitu juga dengan guru yang kurang berpengalaman dan berkelulusan lebih rendah dikatakan kurang tertekan dari segi pengurusan masa.

Trendall (1989) telah menjalankan satu kajian di tiga buah sekolah di Britain yang merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah pendidikan khas untuk menentukan sejauh manakah faktor-faktor personal, organisasi dan sosial mempengaruhi stres guru dan pengaruh faktor-faktor ini terhadap kecekapan guru dan sekolah. Instrumen soal selidik telah digunakan diikuti satu siri temu duga dengan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Daripada dua puluh punca stress yang disenaraikan dalam soal selidik, empat punca utama telah dikenal pasti oleh responden, iaitu kekurangan masa, saiz kelas yang besar, bebas tugas mengajar dan salah laku pelajar. Hasil kajian mendapati 74 peratus daripada 237 orang guru yang terbabit menilai kerja mereka sebagai suatu profesion yang tertekan atau amat tertekan.

Borg, Riding dan Falzon (1991) kemudian telah menjalankan satu kajian lagi untuk menentukan tahap stres kerja, kepuasan kerja dan komitmen kerjaya di kalangan 710 orang guru sekolah rendah di Maltese. Mereka mendapati bahawa 32.6 peratus guru mentaksirkan kerja mereka amat atau terlampau tertekan. Berdasarkan nilai min, didapati bahawa salah laku pelajar merupakan faktor stress yang paling ketara bagi guru

guru yang terlibat. Ini diikuti oleh faktor kekangan masa dan sumber, penghargaan profesional dan perhubungan interpersonal. Responden perempuan dilaporkan menghadapi stres yang lebih tinggi dalam faktor salah laku pelajar dan kekangan masa dan sumber berbanding dengan responden lelaki. Manakala responden lelaki lebih tertekan apabila berhadapan dengan masalah berkaitan penghargaan profesional.

Dengan menggunakan instrumen soal selidik, Chaplain (1995) telah menjalankan satu kajian yang melibatkan 267 orang guru sekolah rendah dari kawasan Timur dan Utara di England untuk mengenal pasti punca stres dan kepuasan kerja responden. Dalam kajian ini, tiga faktor telah diselidik, iaitu perihal profesional, tingkah laku dan sikap pelajar serta tugas profesional. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan yang paling kuat wujud antara perihal profesional (item-item yang berkaitan dengan sokongan kepada pelajar kurang upaya, membantu pelajar yang bermasalah dan menolong pelajar mencapai matlamat dirinya) dengan stres pekerjaan. Chaplain (1995) turut mendedahkan bahawa responden lelaki merasa lebih tertekan dalam menguruskan tugas profesional (mendapat sokongan profesional, mengendalikan aktiviti profesional) dan tingkah laku dan sikap pelajar (mengawal tingkah laku dan sikap pelajar terhadap dirinya sendiri dan sekolah) jika dibandingkan dengan responden perempuan. Manakala responden perempuan pula merasa lebih tertekan apabila menghadapi perihal profesional berbanding dengan responden lelaki. Kajian ini turut melaporkan bahawa 23 peratus responden menilai kerja mereka 'amat stres' atau 'terlampau stres'.

Kajian telah dijalankan oleh Abouserie (1996) untuk menyelidik tahap stress di kalangan staf akademik yang berkhidmat di University of Wales College of Cardiff di United Kingdom. Seramai 414 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 97 orang pembantu penyelidikan dan tutor, 178 orang pensyarah, 56 orang pensyarah kanan dan 53 orang professor. Dapatan kajian menunjukkan responden mentaksirkan kerja mereka sebagai punca stres yang paling ketara dalam kehidupan mereka (74 peratus) dan membimbing penyelidikan merupakan kerja yang paling banyak mendatangkan stres kepada mereka. Menurut Abouserie (1996), 74.1 peratus respondennya mengalami stres sederhana dan 10.4 peratus responden menghadapi stress yang serius. Hasil kajian juga mendedahkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap stress kerja antara responden lelaki dan responden perempuan. Walau bagaimanapun,

kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap stres mengikut kumpulan pangkat akademik, di mana pensyarah-pensyarah dikenal pasti sebagai golongan yang paling tertekan.

Naylor (2001) dalam kertas kerjanya telah menyatakan bahawa peningkatan kesukaran dan kekompleksan pengajaran berkaitan dengan pelajar (seperti mengajar pelajar yang berbagai kebolehan), beban tugas guru dan harapan yang tidak relevan terhadap guru (seperti perubahan kurikulum dan harapan) dan kekurangan masa, sumber, sokongan dan rasa hormat telah dikenal pasti sebagai punca yang menyebabkan stres yang tinggi di kalangan 644 orang guru sekolah menengah dan sekolah rendah di British Columbia. Menurut Naylor (2001), responden-reponden kajian ini telah dibebankan dengan tugas yang terlalu banyak dan kebanyakan mereka mengalami stress yang tinggi.

Kyriacou dan Chien (2004) telah menjalankan satu penyelidikan untuk mengkaji stress kerja di kalangan 203 orang guru sekolah rendah di Taiwan. Hasil kajian mereka mendedahkan bahawa 26 peratus responden tertekan atau amat tertekan. Perubahan dasar pendidikan yang kerap oleh kerajaan dan beban tugas yang banyak telah ditentukan sebagai punca stres yang utama.

2.8 Kajian-kajian tempatan

Jolen (2001), telah mengkaji tahap tekanan (*stress*) dan *burnout* yang dialami oleh pensyarah-pensyarah politeknik. Sampel kajian yang digunakan adalah seramai 50 orang pensyarah di 2 buah politeknik di Malaysia iaitu Politeknik Johor Bahru dan Politeknik Shah Alam yang bertugas di lima jabatan polieteknik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap *burnout* di kalangan pensyarah politeknik adalah sederhana atau normal. Tahap tekanan pula berada pada tahap positif di mana kebanyakan responden masih menunjukkan minat yang positif untuk mengajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tekanan dan *burnout* di kalangan pensyarah berdasarkan jabatan dan lokasi politeknik.

Royo dan Woo (2010), telah membuat satu penyelidikan untuk mengenal pasti tahap tekanan kerja serta faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja di kalangan guru-

guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Wilayah Persekutuan. Seramai 50 orang guru dari tiga buah sekolah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Hasil dapatan daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa guru-guru mengalami tekanan pada tahap sederhana. Dari segi faktor-faktor pula didapati semua faktor iaitu faktor karenah pelajar, faktor beban tugas, faktor kekangan masa dan faktor penghargaan telah memberi tahap tekanan yang sederhana kepada guru-guru yang terlibat.

Mahyuddin *et. al.*, (2001), telah menjalankan satu kajian ke atas guru wanita yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup dari daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap stres di kalangan guru-guru tersebut serta untuk menerangkan stres dari dua pembolehubah bebas iaitu beban kerja dan faktor pelajar. Dapatan kajian menunjukkan 50% daripada responden berada dalam kategori tidak stres dan 50% lagi berada dalam keadaan stres. Apabila analisis regresi dibuat ke atas stres, didapati sebanyak 72% daripada varian stres adalah disebabkan oleh kedua-dua faktor iaitu beban kerja dan pelajar. Dapatan kajian mempunyai beberapa implikasi tentang bagaimana hendak mengatasi stres di kalangan guru secara umum.

Jusoh (2001), telah menjalankan satu kajian kes untuk meninjau tahap tekanan kerja di kalangan guru mata pelajaran elektif di sekolah menengah teknik. Pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ialah berkaitan dengan tekanan kerja, iaitu dari aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal sekolah. Tahap tekanan kerja guru bagi setiap aspek dan hubungannya dengan ketiga-tiga pembolehubah adalah menjadi fokus utama dalam kajian ini. Seramai 68 responden yang dipilih secara rawak mudah daripada Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor dan sekolah Menengah Teknik Bachok, Kelantan telah diberi borang soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan kerja keseluruhan di kalangan guru menengah teknik adalah sederhana. Dapatan kajian menunjukkan guru menghadapi tekanan kerja yang sederhana dari aspek pengajaran dan pembelajaran apabila mereka berusaha meningkatkan prestasi akademik pelajar dan diikuti oleh aspek organisasi. Sementara aspek persekitaran fizikal sekolah pula menunjukkan bahawa tekanan kerja yang dihadapi oleh guru adalah rendah. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru menghadapi petanda tekanan. Petanda tekanan kerja yang tinggi dihadapi oleh guru-guru ialah mudah marah, diikuti oleh sakit kepala dan malas bekerja.

Dapatan kajian seterusnya ialah tentang perbandingan tekanan kerja antara guru lelaki dan perempuan yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi ketiga-tiga aspek, iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal sekolah. Kesimpulannya, terdapat tekanan kerja yang sederhana di kalangan guru sekolah menengah teknik bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji.

Md Suandi (2008), telah menjalankan satu kajian tentang punca dan tahap stres, tahap stres dari aspek personaliti dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Permas Jaya, Johor Bahru. Seramai 118 orang responden telah dipilih secara rawak berstrata (kuota) dalam menjayakan kajian ini. Enam buah sekolah rendah di zon ini telah dijadikan oleh penyelidik sebagai tempat kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru sekolah rendah mengalami tahap stres yang rendah dan mereka juga menghadapi tahap stres dari aspek personaliti yang sederhana tinggi. Ini membuktikan bahawa tahap stres tidak dipengaruhi oleh personaliti responden. Faktor-faktor seperti bebanan kerja, hubungan interpersonal dan masalah pelajar tidak mempengaruhi tahap stres guru.

2.9 Rumusan

Masalah stres di kalangan guru yang berlaku dapat dilihat melalui kajian-kajian lepas yang menunjukkan permasalahan ini perlu diambil perhatian. Disebabkan masalah ini sering terjadi pada profesion guru, maka ramai penyelidik membuat kajian terhadap stres di kalangan guru di Malaysia. Masalah ini perlu diberi perhatian kerana ia mendatangkan kesan yang buruk kepada individu yang mengalami stres. Tambahan lagi ia akan memudaratkan kesihatan sehingga mendatangkan penyakit serangan jantung, asthma, kencing manis, insomnia dan penyakit yang berkaitan. Justeru itu, pengurusan stres perlu diketahui dan ditangani supaya mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini kerana ia melibatkan kesihatan mental individu terlibat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan tentang kaedah bagaimana kajian dijalankan untuk mendapatkan data-data yang lengkap mengenai isu yang dikaji. Oleh itu kajian kes kualitatif dijalankan kerana penyelidik berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang kes dan bukan untuk menguji hipotesis atau teori. Pemilihan metodologi kajian kes kualitatif ini turut disokong oleh kenyataan daripada Merriam (1998) dan Baiyin (2003) yang menyatakan bahawa kajian kes boleh digunakan untuk mengumpul data kualitatif bagi memantapkan dan memahami sesuatu situasi atau fenomena, program dan proses atau kumpulan sosial secara mendalam.

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti bahawa jenis kajian ini adalah kajian kes intrinsik di mana penyelidik ingin meneroka, memahami dan menjelaskan mengenai stres di kalangan guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang. Aspek utama yang dibentangkan dalam bab ini adalah seperti rekabentuk kajian, persampelan kajian, pemilihan peserta kajian, tempat kajian, instrumen kajian, pengumpulan data, analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan serta etika di lapangan kajian.

3.2 Rekabentuk kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan daripada data deskriptif yang diperoleh berdasarkan catatan dan pengucapan seseorang (Taylor dan Bogdan, 1984). Menurut Chow Fook Meng (2005), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri untuk meneroka permasalahan sosial. Jadi penyelidik telah membina gambaran yang holistik terhadap sesuatu situasi, peristiwa, fenomena yang kompleks dalam kajian ini.

Penyelidik telah memilih penyelidikan kualitatif kerana untuk memahami secara mendalam mengenai stres di kalangan guru STBJ ini. Bogdan dan Biklen (2003), pula menyatakan rasional pemilihan penyelidikan kualitatif adalah untuk menambahkan pengetahuan, lebih memahami tingkah laku manusia dan pengalaman mereka. Selain daripada itu, penyelidikan kualitatif adalah tidak bertujuan untuk membuat justifikasi terhadap sesuatu situasi atau kes, sebaliknya untuk memahami proses tentang bagaimana seseorang memberi makna terhadap kes yang dikaji. Oleh itu, pendekatan penyelidikan ini sesuai untuk meneroka dan memahami pandangan peserta kajian terhadap isu-isu dan proses yang berlaku dalam situasi sebenar (Chow Fook Meng, 2005),

Kaedah kajian kes merupakan kaedah kajian yang holistik menggunakan bukti daripada pelbagai sumber untuk dianalisis atau dinilai *specific phenomenon* atau seumpamanya (Anderson, 1998; Merriam, 1998). Menurut Yin (1994), kajian kes adalah satu penyelidikan yang mengkaji fenomena yang terjadi dalam konteks sebenar. Tegasnya penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes membolehkan penyelidik menyelidik, dan meneliti sesuatu peristiwa serta keadaan yang berlaku di persekitaran sebenar iaitu di Sekolah Tunas Bakti Jerantut dalam kajian ini. Kes yang dipilih dalam kajian ini adalah berkaitan stres di kalangan guru STBJ.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 1, tujuan kajian adalah untuk meneroka, memahami dan menjelaskan stres di kalangan guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang. Berdasarkan tujuan kajian, 3 persoalan kajian telah dikemukakan. Kajian telah memilih 4 orang guru untuk menjadi peserta kajian. Ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memeriksa, meneliti serta berinteraksi dengan peserta kajian

bagi mengumpul data. Dengan kaedah ini, stres di kalangan guru STBJ dapat dikaji dalam konteks ia berlaku untuk memberi gambaran secara holistik.

3.3 Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah Sekolah Tunas Bakti di daerah Jerantut, Pahang. Sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti Jerantut yang ditubuhkan pada tahun 1975, di mana sekolah ini ditubuhkan bertujuan untuk mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan diri dengan keterampilan yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Rasional pemilihan tempat kajian ini dibuat dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995), yang menggariskan empat perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu yang pertama ialah tiada halangan untuk menjalankan kajian. Kedua ialah mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik serta wujudnya minat dan kerjasama daripada peserta kajian. Penyelidik juga berkemampuan untuk membina hubungan kepercayaan dengan peserta kajian merupakan perkara ketiga pemilihan tempat kajian. Penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta kajian tujuan temubual dan juga tujuan kajian. Keyakinan untuk mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian merupakan perkara yang terakhir dalam pemilihan tempat kajian.

3.4 Persampelan dan pemilihan peserta kajian

Penyelidik telah memilih empat orang guru sebagai peserta kajian secara persampelan bertujuan (*purposeful sampling*). Disebabkan persampelan bertujuan membawa maksud penyelidik menggunakan pengetahuan khusus tentang sesuatu kumpulan untuk memilih subjek yang hendak dikaji, maka penyelidik menggunakan pengetahuan untuk mengenal pasti sama ada peserta kajian ini berpotensi untuk memberikan jawapan yang dikehendaki ataupun sebaliknya.

RUJUKAN

- Abouserie, R. (1996). *Stress, Coping Strategies and Job Satisfaction in University Academic Staff*. Educational Psychology. **16 (1)**: 49 – 56.
- Akihito Shimazu et. al. (2003). *Effect of Stress Management Program for Teacher in Japan : A Pilot Study*. Journal Of Occupational Health, 45, 202-208.
- Albertson, L.M. dan Kacan, M. (1987). *Occupational stres among teachers*. Journal of Research and Development in Education 21: 69~75.
- Anderson, T. (2003). *Getting the Mix Right Again: An Updated and Theoretical Rational for Interaction*. International Review of Research in Open and Distance Learning, 4 (2), 1-14
- Baiyin Yang, (2003). *Identifying Valid and Reliable Measure for Dimensions of a Learning Culture*. Advances in Developing Human Resources Vol5 no.2 152-162. Dicapai pada Mac 23, 2012 di <http://www.adh.sagepub.com/content/5/2//152.pdf>.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for Education. 4th Edition*. Boston: Allyn and Bacon.
- Boon P. Y. dan Kaur, R. (1998). *Pedagogi I (Semester II)*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti.
- Borg, M. G., Riding, R. J. dan Falzon, J. M. (1991). *Stress in Teaching: A Study of Occupational Stress and Its Determinants, Job Satisfaction and Career Commitment Among Primary Schoolteachers*. Educational Psychology. **11 (1)**: 59 – 75.
- Boyle G. J., Borg M. G., Falzon, J. M. dan Baglioni, A. J. Jr. (1995). *A Structural Model of the Dimensions of Teacher Stress*. British Journal of Educational

- Chaplain, R. P. (1995). *Stress and Job Satisfaction: A Study of English Primary School Teachers*. *Educational Psychology*. **15 (4)**: 473 - 489.
- Cooper, C. L. (1981). *Psychology and Management*. London: The MacMillan Press Limited. *Psychology*. **65**: 49 - 67.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative & Mixed Methods Approaches*. 2nd Edition. Thousand Oaks: Sage.
- Dunham, J. (1992). *Stress in Teaching*. Edisi Kedua. London dan New York. Routledge.
- Farber, B.A. (1984). *Stress and burnout in suburban teachers*. *Journal of Educational Research* 7: 325331.
- Farber, B. A. (1991). *Crisis in Education: Stress and Burnout in the American Teacher*. San Francisco: Jossey Bass Publishers.
- Fauziah, N. Akmaliah, Z. & Mahyuddin, R. (2001). *Stres di Kalangan Guru Wanita yang Mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. *Pen01nikaJ. Soc. Sci. & Hum. Vol. 9 No.2 2001*
- Fletcher, B (C) dan Payne, R. L. (1982). *Level of Reported Stressors and Strains Amongst Schoolteachers: Some UK Data*. *Educational Review*. **34 (3)**: 267 –277.
- Galton, M. & MacBeath, J. (2008). *Teacher Under Pressure*. Great Britain. SAGE Publications.
- Gay, L. R. (1996). *Educational Research: Competencies for Analysis & Application*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Glesne, C. & Peshkin, P. (1992). *Becoming Qualitative Researches: An Introduction*. New York: Longman.
- Gold, Y. dan Roth, R. A. (1993). *Teachers Managing Stress and Preventing Burnout - The Professional Health Solution*. London: The Falmer Press.
- Hussin, S. (1993). *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2009). *Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=121%3Aperkhidmatan-pemulihan-akhlak&catid=186%3Asoalan-lazim&Itemid=53&lang=ms

- James, C. Q. dan Jonathan, D. Q. (1984). *Organizational Stress and Prevention Management*. New York: MacGraw-Hill.
- Jolen, S. (2001). *Tekanan (Stress) Dan Burnout Di Kalangan Pensyarah Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Laporan Projek Sarjana
- Jusoh, R. A. (2001). *Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Mata Pelajaran Elektif Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Kajian Kes*. Kolej Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn. Laporan Projek Sarjanan
- Kyriacou, C dan Sutcliffe, J. (1978a). *A Model of Teacher Stress*. *Educational Studies*. **4 (1)**: 1 - 6.
- Kyriacou, C. dan Chien, Pei Yu (2004). *Teacher Stress in Taiwanese Primary Schools*. *Journal of Educational Equiry*. **5 (2)**: 86 – 104.
- Lichtman, M. (2006). *Qualitative Research in Education A User's Guide*. CA. Sage Publications. Inc.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. (1995). *Designing Qualitative Research*. 2nd Edition. CA:Sage Publication Inc.
- Mat Isa, M. (2008). *Kerjaya dalam Matematik*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari <http://mathed.utm.my/duniamatematik/index.php/2008/april-2008/44-Bidang%20Kerjaya/229-kerjaya-guru>
- Md Saudi, N. (2008). *Kajian Terhadap Stres Di kalangan Guru Sekolah Rendah Di Zon Permas Jaya, Johor Bahru Dari Aspek Personaliti*. Universiti Teknologi Malaysia. Laporan Projek Sarjana Muda.
- Meng, C. F. (2005). *Pendekatan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah*. Universiti Malaya: Tesis Ph.D
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. 2nd ed. San Francisco: Jossey-Bass
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2nd Edition. Thousand Oaks: Sage.
- Naylor, C. (2001). *What Do British Columbia Teachers Consider To Be the Most Significant Aspects of Workload and Stress in Their Work?* British Columbia Teachers' Federation Research Report. 1-19.

- Othman, M. R. & Abang Masagus A. M. A. (1998). *Strategi Menangani Tekanan Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Zon A Di Bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak : Satu Tinjauan*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/1998/98_Razali.pdf
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Method*. London: Sage Publications.
- Payne, M. A. dan Furnham, A. (1987). *Dimensions of Occupational Stress in West Indian Secondary School Teachers*. *British Journal of Educational Psychology*. **57**: 141 – 150.
- Rajuddin, M. R. dan Ali, D. F. (2010). *Persepsi Pelatih Lelaki Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka Terhadap Program Latihan Kemahiran Vokasional yang Dijalankan*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari http://eprints.utm.my/10197/2/Dayana_Farzeeha_Binti_Ali.pdf
- Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015, (2010).
- Royo M. A. & Woo S. F. (2010), *Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru Sjk(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan*. *Dijalankan*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari <http://eprints.utm.my/10873/>
- Selye, H. (1975). *Stress Without Distress*. United State of America : Penguin Group.
- Septiawan, S. K. (2007). *Menulis Ilmiah Metode Penelitian Kualitatif*. 1st Edition. Jakarta. Yayasan Obor Indonesia
- Shalaby, R. A., Ibrahim, S. Z. dan Zain, M. Z. (2004). *Tokoh-Tokoh Guru Nusantara. Tanjong Malim*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran: Asas Pedagogi*. Skudai: Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Smilansky, J. (1984). *External and Internal Correlates of Teachers' Satisfaction and Willingness to Report Stress*. *British Journal of Educational Psychology*. **54**: 84 – 92.
- Selye, H. (1976). *The Stress of Life*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. (1998). *Introduction to Qualitative Research Methods: A guidebook and Resource*. 3rd Edition. New York: John Wiley & Sons.

- Trendall, C. (1989). *Stress in Teaching and Teacher Effectiveness: A Study of Teachers Across Mainstream and Special Education*. Educational Research. **31 (1)**: 52 – 58
- Yaacob Bin Ismail (1985). *Peranan dan Masalah Kerjaya Guru-guru Sains Lulusan Diploma Sains Serta Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Yan Zhang & Barbara, M. Wildemuth. (1998). *Unstructured Interview*. Dicapai pada Oktober 12, 2011 dari www.ischool.utexas.edu/~yanz/Unstructured_interviews.pdf
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*. 2nd Edition. USA: Sage Publications. Inc.